

Anwar hargai sokongan Ethiopia usaha Malaysia jadi rakan BRICS

Dua negara setuju perluas kerjasama dalam beberapa bidang utama

Putrajaya: Malaysia menghargai sokongan kuat dan tegas Ethiopia dalam usaha negara untuk menjadi rakan BRICS.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata Ethiopia sebagai negara anggota BRICS, menjadi tonggak penting dalam permohonan Malaysia untuk menyertai blok itu, yang secara bersama merangkumi satu per lima daripada perdagangan global.

“Sebagai wakil kerajaan, saya ingin sekali lagi menyatakan penghargaan mendalam kami,” katanya pada sidang media bersama Perdana Menteri Ethiopia, Dr Abiy Ahmed Ali, di sini semalam.

Sidang media itu diadakan selepas pertemuan dua hala sempena lawatan kerja pertama Abiy ke Malaysia selama dua hari.

Malaysia secara rasmi diiktiraf sebagai satu daripada 13 negara rakan baharu dalam BRICS, pada Khamis.

Selain Malaysia, 12 negara lain ialah Algeria, Belarus, Bolivia, Cuba, Indonesia, Kazakhstan, Nigeria, Thailand, Turkiye, Uganda, Uzbekistan dan Vietnam.

BRICS yang pada asalnya merangkumi Brazil, Russia, India,



Anwar mengadakan mesyuarat dua hala bersama Abiy di Kompleks Seri Perdana, Putrajaya, semalam.

(Foto BERNAMA)

dan China, ditubuhkan pada 2009 sebagai platform kerjasama bagi ekonomi yang sedang membangun dengan penyertaan Afrika Selatan pada 2010. Sejak itu, blok itu berkembang untuk termasuk Iran, Mesir, Ethiopia dan Emiriah Arab Bersatu.

Anwar berkata, Ethiopia mengalami pertumbuhan yang luar biasa sepanjang tahun dan menjadi rakan kongsi penting bagi Malaysia di benua Afrika.

Beliau menyoroti beberapa kemajuan yang patut dipuji oleh negara yang tidak mempunyai akses kepada laut itu, termasuk dalam aspek ekonomi, tadbir

urus, inisiatif antirasuah, kualiti pendidikan dan syarikat penerbangannya.

“Saya percaya dengan sikap rendah hati, Malaysia seharusnya mencontohi kejayaan anda, belajar daripada pengalaman anda dan berusaha untuk memastikan Malaysia kekal sebagai negara yang stabil dan aman sambil mempersiapkan ekonominya,” kata Anwar.

Perkukuh kerjasama

Sementara itu, Abiy berkata, kedua-dua negara bersetuju untuk memperluas kerjasama dalam beberapa bidang utama, terma-

suk pertanian, industri, perlombongan, perdagangan dan pelaburan.

“Terdapat banyak peluang di kedua-dua pihak. Perbincangan yang berlangsung sangat bermanfaat dalam memperkukuh kerjasama kita dalam semua sektor,” katanya.

Abiy yang disertai Wanita Pertama Zinash Tayachew Bere dan delegasinya, tiba di Kompleks Bunga Raya, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur kelmarin.

Ethiopia rakan dagang ke-26 terbesar Malaysia di benua Afrika pada 2023 dengan imbanan

dagangan berpihak kepada Malaysia.

Perdagangan di antara Malaysia dan Ethiopia direkodkan pada RM446.8 juta, dengan eksport Malaysia ke Ethiopia bernilai RM358.6 juta, mencatatkan peningkatan sebanyak 24.6 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Produk yang dieksport Malaysia ke Ethiopia termasuk elektrik dan elektronik, minyak sawit serta barang pertanian berasaskan minyak sawit, bahan kimia dan produk berasaskan bahan kimia serta tekstil, pakaian, dan kasut. BERNAMA